

## **APLIKASI MEDIA DALAM MENTADABBUR AL-QURAN: KAJIAN SURAH AL-IKHLAS OLEH NOUMAN ALI KHAN**

Monika @ Munirah Abd Razzak

[munirahar@um.edu.my](mailto:munirahar@um.edu.my)

Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM)

Nik Mohd Zaim Ab Rahim

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

### **ABSTRAK**

Perkembangan teknologi media membolehkan maklumat disampaikan dengan lebih pantas. Peningkatan kepada teknologi ini amat penting terutama dalam menyebarkan ilmu pengetahuan dengan lebih efisyen. Mesej-mesej yang disampaikan melalui medium ini berupaya mempengaruhi proses sosialisasi dan kognitif seseorang. Selaras dengan itu, proses mentadabbur al-Quran dengan menggunakan aplikasi teknologi terkini khususnya dalam bidang pengajian tafsir amat dituntut. Justeru, objektif artikel ini adalah mengkaji cara mentadabbur al-Quran yang tepat di samping menganalisis pendekatan tadabbur tafsir Nouman Ali Khan berdasarkan surah al-Ikhlas. Rekabentuk kajian yang digunakan ialah pendekatan kaedah kualitatif, dengan menggunakan metode observasi iaitu pemerhatian tanpa turut serta dan metode analisis isi kandungan. Hasil kajian mendapati cara mentadabbur al-Quran yang tepat adalah dengan pembacaan yang tartil, memberi tumpuan kepada pemahaman isi kandungannya seterusnya beramal dengan ajarannya. Sementara pengajian tafsir al-Qur'an oleh Nouman Ali Khan menerusi aplikasi *PowToon* lebih efektif berbanding penggunaan audio visual semata-mata kerana ia lebih memberi kefahaman kepada penonton untuk mentadabbur surah al-Ikhlas dengan jelas. Perumpamaan yang selari dengan realiti kehidupan masyarakat lebih mudah akan dihayati oleh penonton sebagai pengajaran untuk diamalkan. Secara keseluruhan, pengaruh media seperti aplikasi *PowToon* dalam membina umat Islam yang faham dan beramal dengan ajaran al-Quran adalah signifikan dan faktor celik media memainkan peranan yang penting kepada dapatan tersebut.

**Kata kunci:** Media, Tadabbur al-Qur'an, Tafsir, *PowToon*.

### **Pengenalan**

Pertama kali al-Quran diturunkan, ia telah memandu manusia tentang pentingnya ilmu pengetahuan dan menyatakan bahawa proses pencariannya adalah sebagai ibadah. Tegasnya, al-Quran adalah satu-satunya sumber ilmu pengetahuan daripada Allah s.w.t. Proses pembelajaran seperti proses mengamati, memahami, dan menghayati sunnatullah, yang berupa fenomena alam mahupun sosial, kemudian mengaplikasikan pemahaman tersebut bagi kemaslahatan hidup manusia adalah

tujuan hakiki keberadaan insan di muka bumi ini. Justeru memahami al-Quran dengan baik dan mempraktikkan ilmu serta ajaran yang terdapat di dalamnya adalah tuntutan utama.

Dengan menelusuri sejarah juga, umat Islam mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w telah diajar membaca al-Quran oleh malaikat Jibril a.s ketika beribadah seorang diri di gua Hira' (al-Buti, 1991). Seterusnya setelah dilantik menjadi pesuruh Allah, baginda tidak henti-henti menggerakkan lidah dan bibirnya sehingga Allah s.w.t melarang berbuat demikian kerana Allah menjamin bahawa Rasulullah mampu menghafaz dan pasti akan diperbetulkan bacaannya.

Setelah itu, Rasulullah s.a.w memulakan pengajaran al-Quran secara *talaqqi mushafahah* kepada para sahabat di rumah baginda sendiri dan rumah al-Arqam bin Abi Arqam. Pengajaran al-Quran ini berterusan dan berkembang ke Madinah dengan adanya rombongan yang datang bertemu baginda lalu beriman dengan ajaran Islam (Kamarul A. J et al, 2013). Apabila baginda berhijrah ke Madinah pengajian al-Quran makin berkembang dengan berlakunya pentafsiran pada ayat-ayat al-Qur'an kerana tuntutan ingin mendalami kefahaman berhubungan firman Allah dan beramal dengan ajarannya.

Walau bagaimanapun, program untuk membawa masyarakat lebih dekat kepada al-Quran memerlukan penambahbaikan dari sudut kesesuaian bentuk pengajaran dan pembelajarannya. Dalam erti kata lain, kaedah yang mampu untuk menterjemahkan ajaran al-Quran sebagai panduan, sumber nilai, sumber pengajaran dan pembelajaran, dan sebagai sumber inspirasi pengetahuan. Walaupun agama dianggap asas, penyelidikan ke atas pengajaran dan pembelajaran berdasarkan al-Quran masih lagi terhad. Dengan latar belakang ringkas ini, kertas ini bertujuan untuk mengkaji aplikasi media dalam mentadabbur al-Quran, dengan membincangkan kelebihan dan kekurangan pendekatan tadabbur al-Quran khususnya dalam surah al-Ikhlas oleh Nouman Ali Khan menerusi aplikasi PowToon.

## **Metodologi Kajian**

Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melakukan kaedah penontonan dan analisis isi kandungan. Pengkaji telah menonton video yang membincangkan tafsir surah al-Ikhlas melalui [youtube.com](https://www.youtube.com). Metode penontonan dipilih untuk mengamati penyampaian pengajaran tafsir yang dipersembahkan oleh Nouman Ali Khan secara *online*. Data yang diperolehi akan dianalisis dan dilaporkan dengan cara memerihalkan kelebihan pengajaran tafsir dalam rancangan tersebut menerusi aplikasi PowToon.

## **Aplikasi Media dalam Mentadabbur Al-Quran**


Media dari segi bahasa didefinisikan sebagai alat atau perantara komunikasi (perhubungan) seperti radio, televisyen dan akhbar (Kamus Dewan, 2007). Manakala dalam bahasa Arab, kalimah media diterjemahkan sebagai al-l'lam dari fi'l a'l'am (أَعْلَم) yang bermaksud alat-alat penerangan (Kamus at-Tulab, 1994). Media berasal dari perkataan medium yang merujuk kepada satu jalan atau cara di mana melalui komunikasi dapat dilakukan dan sebagai satu saluran untuk memberi maklumat (Alan Hancock, 1970). Christine Beckert (1992) pula memberi pengertian media sebagai

satu kumpulan kerja yang disusun untuk menyampaikan mesej yang sama kepada kumpulan yang ramai pada masa yang sama.

Bagi umat Islam, sejarah penggunaan media bagi proses penyampaian maklumat Islam mempunyai sandaran yang kuat. Ini dapat dilihat ketika Nabi Muhammad s.a.w. mengadakan perhimpunan besar di Hajj al-Wada', Baginda s.a.w. telah memilih tempat (lembah) yang sesuai bagi menempatkan *transmitters* di tempat strategik bagi melaungkan kembali ucapan Baginda agar setiap yang datang dapat mendengar. Baginda telah menggunakan *transmitter* sebagai medium yang canggih, sesuai dengan perkembangan manusia ketika itu bagi menyampaikan mesej kepada umatnya. (Zulkiple A. G., 1996)

Perkembangan media massa banyak dipengaruhi oleh faktor sosiopolitik dan ekonomi sejak sebelum dan selepas negara mencapai kemerdekaan 31 Ogos 1957. Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963, perpisahan Singapura dari Malaysia pada 16 September 1965 serta kemajuan ekonomi telah mencorak dan memberi kesan kepada perkembangan industri surat khabar, televisyen dan radio serta membawa kepada penubuhan agensi (Mohd Yahya M. A., 2012). Perkembangan media elektronik masa kini memudahkan manusia di seluruh dunia untuk saling berkomunikasi antara satu sama lain serta menyampaikan idea pemikiran masing-masing untuk dikongsi bersama khalayak.

Kepelbagaiannya media elektronik seperti televisyen, radio, dan juga media baru telah menjadi suatu teknologi media masa kini yang diguna pakai oleh manusia di seluruh dunia. Oleh itu, kepesatan teknologi media elektronik ini telah memberi suatu kesan yang besar kepada masyarakat di seluruh dunia dan ia boleh mendatangkan banyak faedah dan membantu dalam penyampaian maklumat pada era ini. Kepelbagaiannya media elektronik khususnya di Malaysia adalah seperti rajah di bawah:



Rajah 1

Oleh itu, teknologi media berupaya membuka jalan untuk pelbagai kegiatan dan merupakan salah satu sumber maklumat yang segera dan pantas. Media elektronik seperti televisyen dan radio diakui sebagai salah satu faktor utama perubahan sosial

pada era 70 an dan 80 an. Sesiapa yang menguasai teknologi media akan berupaya mentadbir dan menguasai pemikiran masyarakat massa. (Rahmah H., 1986)

Malah dikatakan media seperti televisyen khususnya adalah pelengkap dan sering menjadi pesaing yang mengatasi ejen sosial yang lain seperti keluarga, sekolah, rakan sebaya, komuniti, dan institusi agama. Pandangan yang paling popular tentang kejayaan fungsi sosial media adalah ia membolehkan kanak-kanak dan remaja menyesuaikan diri dalam masyarakat kerana mereka telah mempelajari tingkah laku yang bersesuaian. Secara khususnya, melalui sosial kanak-kanak mempelajari budaya dan mendalami nilai, sistem kepercayaan, persepsi diri sendiri dan orang lain. (Lemish, 2007)

Justeru, media merupakan satu alat yang mampu merangsang dan mempengaruhi sikap serta tingkah laku individu atau masyarakat merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Ini kerana, media berperanan dalam membina identiti bangsa dan budaya untuk pembangunan keseluruhannya.(Abdullah S., Mawaddah A., 2010)

Di Malaysia sudah terdapat media penyiaran yang berobjektifkan semata-mata untuk penyebaran ilmu Islam iaitu TV Alhijrah, Astro Oasis, Radio IKIM dan Radio SALAM.fm. Keempat-empat media penyiaran ini memainkan peranan masing-masing dalam menggalas tanggungjawab bagi menyebarkan ilmu Islam kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, sesuai dengan perkembangan semasa aplikasi seperti website, youtube, blog dan sebagainya menjadi pilihan kerana mudah dicapai dan maklumat diperolehi dengan pantas. Justeru pengajian tafsir juga berubah mengikut perkembangan ilmu dan teknologi sebagaimana yang dilakukan oleh Nouman Ali Khan agar al-Qur'an ditadabbur, difahami dan dipraktikkan oleh umat Islam.

Sehubungan itu, antara aplikasi media yang digunakan oleh Nouman Ali Khan ialah PowToon. PowToon adalah sebuah software dan aplikasi yang berkaitan dengan kartun. Ia merupakan aplikasi untuk membuat video animasi secara sederhana namun bukan untuk sejenis filem, akan tetapi lebih kepada 'membentangkan' bahan dengan cara yang lebih pelbagai, unik, dan menyenangkan sesuai dengan tahap imaginasi, daya komunikasi, bahan serta ciptaan. Ia banyak digunakan dalam media pembelajaran. Maksud media dalam proses belajar dan mengajar ialah penggunaan alat-alat grafik, fotografi atau elektronik untuk menangkap, memproses, menyusun kembali informasi visual atau verbal. AECT (*Association of Education and Communication Technology*) memberi batasan tentang media sebagai segala bentuk dan saluran yang digunakan untuk menyampaikan pesan atau informasi. Di samping sebagai sistem pemyampai atau pengantar, media yang sering diganti dengan kata mediator, dengan istilah mediator media menunjukkan fungsi atau peranannya iaitu mengatur hubungan yang efektif antara dua pihak utama dalam proses belajar iaitu pelajar dan isi pelajaran. Ringkasnya media pembelajaran adalah alat yang menyampaikan isi kandungan pengajaran. (Azhar A., 2011)

## Pengertian Tadabbur

Jika dirujuk akar kata *dabbara* dalam Lisan al-'Arab, ia memberi maksud melihat akibat sesuatu perkara dan berfikir tentangnya berulang-ulang kali. Bagi Ibn Kathir, tadabbur al-Quran bermaksudmemahami setiap makna lafaz al-Qur'an, berfikir

tentang petunjuk dari isi kandungan ayat-ayat al-Qur'an dengan hati yang kusyuk, mengambil pengajaran dan teladan serta tunduk kepada perintah-perintahNya.

Al-Lahim berpendapat bahawa istilah ini merujuk kepada refleksi penting yang boleh membawa kepada makna yang tersirat kata-kata Allah dengan mesej yang mendalam. Petunjuk dari tafsir al-Quran mengenai perkataan tadabbur ialah: a) minda dan hati menyatu dengan bacaan (Al-Ma'idah [5]: 83), b) menyentuh emosi (Al-Tawbah [9]: 124), c) pengabdian (Al-Isra' [17]: 109), dan d) peningkatan dalam iman (Al-Anfal [8]: 2)

Secara jelas, konsep dan makna tadabbur al-Quran dapat difahami dengan baik menerusi kajian dari Abas Asyafah yang telah menyimpulkan bahawa tadabbur al-Qur'an merangkumi pembacaan, pendengaran, kefahaman, perasaan, menerima kebenaran dan respon terhadap ayat al-Quran. Ini boleh dilhat seperti dalam jadual di bawah:




Figure 1. The scope and meaning of Tadabbur

### Cara Mentadabbur Al-Quran Yang Tepat

Secara umum, mentadabbur al-Quran merangkumi dua perkara iaitu ilmu dan keimanan. Bagi melaksanakan dua perkara asas ini, manusia perlu kepada keimanan dan pengabdian yang kuat beserta ilmu yang mencukupi. Oleh itu, cara tadabbur al-Quran adalah menggabungkan kemajuan dalam bidang ilmu dan perkembangan iman untuk menyelesaikan masalah-masalah hidup manusia (Abas A., 2014). Justeru proses pembelajaran ilmu adalah pembelajaran sepanjang hayat untuk mendapat hidup yang bermakna. Maka, untuk memastikan seseorang memahami isi kandungan al-Qur'an dan tafsirnya, tidak dapat tidak mereka perlu mempelajari bahasa Arab. Minat mempelajari bahasa tersebut merupakan kunci utama yang akan membantu mereka mencapai kecemerlangan dalam mentadabbur al-Qu'an (Fuad H., 2013). Selain itu, perlu ada strategi baru dalam mempelajari al-Qur'an. Mereka perlu sentiasa

fokus dan memberi sepenuh perhatian, agar dapat belajar dengan lebih cepat dan mudah. Tambahan pula mereka akan mengingat untuk tempoh yang lama.

Menurut al-Qaradawi (2009), Allah tidak menurunkan al-Quran kecuali sebagai renungan, untuk difahami maksudnya dan diamalkan isi kandungannya. Melalui tadabbur, fungsi-fungsi al-Quran adalah jelas: a) sebagai sumber pendidikan Islam (Al-Nahlawi, A., 1983), b) sebagai sumber pengetahuan ( Muhammad Q.S., 1993), c) sebagai sumber nilai (Mulyana, R., 2004), dan d) sebagai sumber untuk pengukuhan iman manusia (Ali 'Imran [3]: 193). Keempat-empat fungsi boleh dicapai jika Al-Quran difahami.

Terdapat dua etika dalam usaha mentadabbur Al-Qur'an, iaitu dalam dan luar. Etika luar termasuk pilihan masa dan tempat yang kondusif untuk beribadah, berada dalam keadaan suci, memohon perlindungan Allah, membaca al-Qur'an dengan tartil, suara yang nyaring dan merdu, menitiskan air mata semasa membaca serta menghormati al-Qur'an. Manakala etika dalaman termasuklah memuliakan dan mengiktiraf Pencipta, mengesakanNya, mengelakkan perkara-perkara yang menghalang pemahaman, memberi tumpuan semasa pembacaan al-Qur'an, dan menjadikan al-Qur'an sebagai medium komunikasi dengan Allah. (Al-Qaradawi, Y., 2009)

### **Latar belakang Surah al-Ikhlas dan Biografi Nouman Ali Khan**

Surah al-Ikhlas merupakan sebuah surah dalam al-Quran yang banyak dihafal oleh umat Islam kerana kependekan ayat. Ia merupakan surah yang ke 112 yang diturunkan di Mekah dan terdiri daripada empat ayat. Merupakan surah tauhid dan pensucian nama Allah Taala. Ia merupakan prinsip pertama Islam. Oleh kerana itu pahala membaca surah ini menyamai sepertiga Al-Quran. Terdapat tiga intipati utama di dalamnya iaitu penegasan tentang Keesaan Allah, dan menolak segala bentuk kesyirikan kepada Allah.

Sebab turun surah ini menurut Qatadah, al-Dahhak dan Muqatil ialah kaum Yahudi telah menghadap Rasulullah s.a.w. maka mereka berkata, "*Jelaskan kepada kami sifat-sifat Tuhanmu*". Sesungguhnya sifat Allah telah dijelaskan dalam kitab Taurat. Maka dikhabarkan kepada kami: Dari apakah Dia?, apakah jenis-Nya, dari emas, tembaga, atau perak? Dan adakah Dia makan dan minum?, siapa yang diwarisi di dunia? Dan siapa yang mewarisi-Nya?, maka Allah s.w.t menurunkan surah ini, iaitu menghuraikan sifat Allah yang khusus.(al-Wahidi, 2000)

Selanjutnya tentang Nouman Ali Khan, beliau adalah pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Bayyinah, sebuah institusi pendidikan di Amerika Syarikat. Beliau lahir pada 4 Mei 1978 di Berlin, Jerman yang berjaya menarik perhatian komuniti muslim kerana tema dakwah yang dibawakannya menggunakan sudut pandang linguistik al-Qur'an. Ayahnya pula merupakan seorang Diplomat, sehingga membuat Nouman Ali Khan berpindah-randah dari satu negara ke negara yang lain. Pendidikan awal beliau pula bermula di Riyad, Arab Saudi dan seterusnya di Pakistan.<sup>1</sup> Semasa berada di Pakistan, beliau menerima biasiswa dan mendapat kedudukan 10 teratas dalam *National Arabic studies* pada 1993. Buat masa ini, beliau memiliki enam anak iaitu empat perempuan dan dua lelaki. Anaknya yang bernama

---

<sup>1</sup> <https://www.facebook.com/noumanbayyinah/info> dicapai pada 14 Mei 2016.

Husna pernah diperkenalkan melalui program Arabic With Husna. Adapun anaknya yang bernama Walid diperkenalkan di program Quran Weekly edisi Ramadhan 2013.

Jika dirujuk tulisan di dalam akaun *Facebook Page* miliknya, Nouman Ali Khan menceritakan perkenalannya kembali kepada Islam terjadi saat ia berusia sekitar 19 tahun di New York. Sayangnya Nouman Ali Khan tidak merasakan perjalanan spiritual kembali ke Islam sesuai dengan harapannya. Beliau diminta hanya fokus untuk menjalankan rukun Islam yang lima dan mengikuti para ulama.<sup>2</sup>

Setelah itu, beliau akhirnya serius mempelajari bahasa Arab di Amerika Syarikat pada tahun 1999 di bawah seliaan Dr. Abdus Samie, pengasas dan bekas pengetua Kolej Al-Qur'an di Faisalabad, Pakistan yang sentiasa aktif membuat lawatan di Amerika Syarikat mengajar al-Qur'an dan Bahasa Arab.<sup>3</sup> Nouman Ali Khan mula berkhidmat sebagai profesor Bahasa Arab di *Nassau Community College* sehingga tahun 2006 dan telah mengajar Standard Modern dan Klasik Bahasa Arab di pelbagai tempat dengan lebih 10,000 pelajar di seluruh negara. Sekarang, Nouman aktif sepenuhnya mendedikasikan masa untuk membangunkan silibus dan bahan pengajaran untuk Bayyinah. Beliau kini menetap di Texas dan memberi tumpuan kepada pengajaran dan mengajar muridnya. Antara isu-isu yang dikupas ialah mengenai Islam, isu remaja, isu kekeluargaan, hal-hal kehidupan harian dan isu semasa. Kajian pola hujahan Nouman Ali Khan mengenai hubungan sosial dalam program *The Deen Show* menunjukkan beliau mengekalkan standard yang baik dalam mengekalkan kesopanan ketika berucap. Vidia Selvi Cahyani dan Aulia Apriana berkata pola hujahan Nouman Ali Khan telah digunakan dengan berkesan oleh beliau untuk membincangkan tiga topik seperti ateisme, isu-isu generasi muda, dan isu Islam lawan Kristian.<sup>4</sup> Merujuk edisi kelima buku yang bertajuk 500 Muslim Paling Berpengaruh, beliau disenaraikannya sebagai salah seorang daripada tokoh-tokoh Islam yang paling berpengaruh di dunia.<sup>5</sup>

### **Pengajian Tafsir Nouman Ali Khan Menerusi Aplikasi PowToon**

Pengajian tafsir al-Qur'an oleh Nouman Ali Khan banyak divideoakan dan disebarluaskan menerusi *youtube* melalui aplikasi *PowToon*. Aplikasi ini merupakan salah satu media pembelajaran secara layaran *online* untuk membuat paparan yang memiliki gambar animasi menarik seperti animasi tulisan tangan, animasi kartun, dan efek transisi yang lebih hidup serta pengaturan *time line* yang sangat mudah. Ia boleh didaftarkan secara percuma dengan mengakses layaran *online* *PowToon* di laman sesawang [www.powtoon.com](http://www.powtoon.com).

Oleh yang demikian, beliau telah menggunakan aplikasi *PowToon* dalam mempersembahkan ceramah tafsirnya seperti surah al-Ikhlas dan lain-lain. Sebagai

<sup>2</sup>

<https://www.facebook.com/noumanbayyinah/posts/671094313023314>,

<http://hadithoftheday.com/nouman-ali-khan/>, <http://bayyinah.com/about/history/> dicapai pada 1 November 2016.

<sup>3</sup><http://muslimmatters.org/2014/07/31/about-fame-a-personal-life-and-responsibility/>,

<http://www.nakcollection.com/naks-biography.html> dicapai pada 1 November 2016.

<sup>4</sup>Jurnal online University of Malang Indonesia, [a](http://jurnalonline.um.ac.id/data/artikel/rtikel1824DFFA12CEC26580693E634C0AA1EB1.pdf)

<http://jurnalonline.um.ac.id/data/artikel/rtikel1824DFFA12CEC26580693E634C0AA1EB1.pdf>. dicapai pada 12 Mei 2016.

<sup>5</sup> <http://themuslim500.com/profile/khan-nouman-ali> dicapai pada 12 Mei 2016.

contoh beliau membawa pandangan tokoh teologi Dr Rafee'uddin dari Pakistan yang menerangkan tentang surah al-Ikhlas. Menurutnya, Allah menciptakan manusia dengan ilmu pengetahuan mengenai Diri-Nya. Manusia secara semulajadi, menyedari bahawa adanya Tuhan yang menjadikan makhluk di alam ini. Matlamat manusia adalah menjadi hamba Allah yang taat yang mengikut jalannya yang lurus. Itulah satu penghormatan yang agung Nabi Muhammad s.a.w perolehi ketika mana diisra'kan ke langit.

Atas dasar itulah Allah memprogramkan dalam setiap diri manusia untuk menjadi hamba-Nya yang mulia, tetapi jika seseorang itu kehilangan matlamat tersebut, dia akan mencari matlamat yang lain untuk memenuhi kekosongan itu. Mereka boleh diumpamakan seperti orang yang dahaga dan lapar, yang cuba mengisi matlamat itu dengan apa sahaja. Adakah dengan makan makanan yang tidak berkhasiat, mereka akan membiarkan makanan tersebut? Sudah tentu tidak, kerana sekurang-kurangnya ia telah menghilangkan seketika kelaparan mereka. Maka tidak pelik, ada manusia yang akan menjadikan wang sebagai matlamat hidup, kemasyhuran, kerjaya, anak dan sebagainya dalam menjalani kehidupan ini.

Sebab itulah Nouman Ali Khan menyatakan dengan tegas, manusia sudah tentunya akan mencari pengganti yang boleh memberi inspirasi kepada mereka. Bagi mereka yang menemui Allah sebagai matlamatnya, mereka akan menyatakan sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah s.w.t" (al-An'am [6]:162). Justeru perkara ini mudah bagi mereka. Semuanya adalah untuk Allah. Manakala bagi yang tersasar, contohnya menjadikan kerjaya dan harta sebagai matlamat yang paling tinggi, apabila mereka hilang pekerjaan, maka ada yang mengambil jalan pintas dengan membunuh diri dan sebagainya. Ini kerana seluruh hidup dihabiskan untuk mendapatkan penghormatan mata manusia.

Secara psikologinya adalah sangat mudah untuk seseorang menyatakan Allah itu satu, tetapi adakah Allahlah satu-satunya bagi manusia?. Beliau melanjutkan lagi dengan membawa penerangan ayat al-Quran yang lain bagi memahami konsep keesaan Allah, iaitu: "Hai manusia, apakah yang telah memperdayakan kamu (berbuat derhaka) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah" (al-Infitar [82]:6). Apakah yang penting sangat yang dikehendaki sehingga tak dapat lagi nak dikehendaki selepas ini. Oleh itu, apabila Allah berfirman "Katakanlah Allah itu Esa (satu)" bererti secara psikologinya sikap manusia terhadap Allah, apa yang mereka fikir tentang kehidupan berubah serta-merta. Sekarang apa yang penting ialah Allah. Allah reda dan memberi keampunan supaya mereka berjaya di dunia dan di akhirat. Ini adalah beberapa implikasi psikologi hanya dengan menghayati dan menjiwai kalimah AHAD.

Akhirnya beliau membawa puisi tauhid yang dikarang oleh Iqbal iaitu apa yang biasa menjadi sesuatu yang membakar dalam hati manusia, kini menjadi isu teologi yang hebat diperdebatkan oleh ahli falsafah. Lalu beliau menutup dengan doanya iaitu moga Allah memberi tauhid sebagaimana Allah berikan kepada nabi Ibrahim a.s, para nabi lain dan sahabat r.a. Amin.

## Kesimpulan

Syaykh al-Sa'di *rahimahullah* mengatakan, "Tadabbur al-Qur'an merupakan kunci ilmu pengetahuan. Dengan tadabbur, segala kebaikan dan ilmu diperoleh. Dengannya iman bertambah dan tertanam di dalam hati. Dengan mentadaburi al-Qur'an seseorang dapat mengenali Rabb (Tuhan) yang disembah, sifat-sifat-Nya yang sempurna, menyucikan-Nya dari sifat yang tidak layak. Selain itu, seseorang dapat

mengenali musuh yang sebenarnya, jalan yang menjerumuskan kepada azab, sifat-sifat mereka dan sebab-sebab yang mendatangkan azab-Nya. Semakin meningkat penghayatan tadabbur seseorang, maka bertambahlah ilmu dan amal. (al-Sa'di,)

Surah al-Ikhlas adalah satu bentuk penolakan terhadap keyakinan kaum musyrik dengan keyakinannya. Allah mensucikan diri-Nya dari berbagai sifat yang menjadi keyakinan kaum musyrik iaitu : "Allahu Ahad". Sementara isi dari surah al-Ikhlas sama dengan sepertiga al-Qur'an, dan juga memiliki keistimewaan kerana membahas sifat Allah secara khusus seperti mensucikan diri-Nya dari segala bentuk keperluan dengan firman-Nya "Allahus-Samad". Allah juga mensucikan diri-Nya dari hal-hal yang baru dan berawal mula melalui firman-Nya "Lam Yalid" dan dari segala bentuk rupa yang sejenis atau serupa dengan-Nya melalui firman-Nya "Wa Lam Yulad". Allah juga mensucikan diri dari adanya sekutu melalui firman-Nya "Lam Yakun Lahu Kufuhan Ahad".

Oleh yang demikian, melalui aplikasi media tersebut, terdapat dua kaedah pembelajaran tafsir Al-Quran bagi surah al-Ikhlas yang digunakan oleh Nouman Ali Khan iaitu kaedah pengajaran tradisional dan moden. Kaedah tradisional termasuklah kaedah kuliah. Manakala kaedah moden adalah penggunaan aplikasi PowToon. Aplikasi PowToon mempunyai beberapa kelebihan iaitu lebih menarik dan mudah difahami. Ini kerana ia menyediakan pelbagai *layout* yang sedia digunakan, mempunyai ilustrasi kartun yang menyeronokkan dan berwarna-warni, dapat memuatnaik video, boleh dikongsi secara umum dan global oleh seluruh masyarakat. Ia juga interaktif dan tidak statik dengan teknik ilustrasi kartun yang menarik. Cara ini memberi kesan positif kepada penonton dalam mentadabbur al-Qur'an. Mudah-mudahan Allah menjadikan umat Islam semuanya orang-orang yang sentiasa membaca Al Qur'an dengan sebenar-benarnya, dengan mentadabbur dan beramal dengan ajarannya.

## Penghargaan

Kajian ini mendapat peruntukan dana penyelidikan Universiti Malaya dari *Equitable Society Research Cluster* (ESRC) iaitu RP008C-13SBS.

## Rujukan

### Al-Qur'an al-Karim

- Abas Asyafah (2014), The Method of Tadabur Qur'an: What Are the Student Views?, International Education Studies, Canadian Center of Science and Education, Vol.7, No. 6, 2014, pp. 98-105.
- Abdullah Sulong dan Mawaddah Abdullah (2010), Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Remaja. [http://eprints.utm.my/10835/1/Pengaruh\\_Media\\_Elektronik\\_Terhadap\\_Keruntuhan\\_Akhlaq\\_Pelajar.pdf](http://eprints.utm.my/10835/1/Pengaruh_Media_Elektronik_Terhadap_Keruntuhan_Akhlaq_Pelajar.pdf) di capai pada 5 Januari 2016
- Alan Hancock (1970), *Mass Communication*, London: Longman Group Limited.
- Al-Buti, Sa'id Ramadan (1991), *Fiqh Sirah Nabawiyah*, Beirut: Dar al-Fikri.
- Al-Lahim, K. B. A. K (1425H), *Mafatih Tadabbur wa al-Najah Fi al-Hayah*, (Riyad: Maktabah Malik Al-Fahd).

- Al-Nahlawi, A. (1983), *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah Wa Asalibihā*, Damshiq: Dar al-Fikri.
- Al-Qaradawi, Yusuf (2009), *Kayf Nata‘ammal ma‘a al-Qur‘an*, Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Al-Sa‘di, Shaykh ‘Abd al-Rahman bin Nasir (1417/1997), *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*, Ed. ke-3, j. 1, t.tp.: Mu’assasah al-Risalah,
- Al-Sunaydi, Salman ‘Umar (2002), *Tadabbur al-Qur‘an*, cet. 2, Riyad: Majallah al-Bayan.
- Azhar Arsyad (2011), *Media Pembelajaran*, Cet. 15. Jakarta: Rajawali Pres.
- Christine Beckert (1992), *Getting Started in Mass Media*, United State: NTC Publishing Group.
- Fuad Hilmi, Analysis Of Relationship Between Learning Achievement Of Tafsir Al-Quran And Arabic Learning Interests, International Journal Of Scientific & Technology Research, Volume 2, Issue 12, December 2013, pp. 336-337.
- <http://hadithoftheday.com/nouman-ali-khan/>,  
<http://bayyinah.com/about/history/> dicapai pada 1 November 2016.  
<http://ikimfm.my/v2/tentang-kami/>  
<http://muslimmatters.org/2014/07/31/about-fame-a-personal-life-and-responsibility/>,  
dicapai pada 1 November 2016.
- <http://themuslim500.com/profile/khan-nouman-ali> dicapai pada 12 Mei 2016.
- <http://www.astro.com.my/whats-on/channel/astro-oasis/81>
- <http://www.islam.gov.my/en/siaran-radio-jakim-salam-fm-fm-911-12am-8am>
- <http://www.nakcollection.com/naks-biography.html> dicapai pada 1 November 2016.
- <http://www.tvalhijrah.com/Info-Korporat/Tentang-Kami.aspx>
- <https://www.facebook.com/noumanbayyinah/info> dicapai pada 14 Mei 2016.
- <https://www.facebook.com/noumanbayyinah/posts/671094313023314>, dicapai pada 1 November 2016.
- Ibn Kathir, ‘Imad al-Din, Abu al-Fida’ Isma‘il al-Qurashiyi al-Dimashqi (2002), *Tafsir al-Qur‘an al-‘Azim*, jil 1, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram (1988), *Lisan, al-‘Arab*, jil. 4, Beirut: Dar al-Ihya’ Turath al-‘Arabi.
- Jurnal online University of Malang Indonesia, <http://jurnalonline.um.ac.id/data/artikel/rtikel824DFFA12CEC26580693E634COAA1EB1.pdf> dicapai pada 12 Mei 2016.
- Kamarul Azmi Jasmī & Che Noh, Mohd Aderi, *Sejarah, Kaedah, serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran (History, Methods, and Models of Teaching and Learning of the Quran)*. Dalam Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI (Remedial and Enrichment Workshop for Teaching and Learning Quran SRA JAWI), 28-29 October 2013, Lecture Hall, Masjid Negara, Jalan Perdana 50480, Kuala Lumpur, 2.
- Kamus Dewan* (2007), ed ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Lemish, D. 2007. *Children and Television: A global Perspective*. Singapore: Blackwell Publishing.
- Mohd Yahya Mohamed Ariffin (2012), *Perhubungan Media di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Quraish Shihab (1993), *Membumikan al-Qur‘an; Fungsi dan Peran Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*, Bandung: Mizan.
- Mulyana, R. (2004), *Mengaktualisasikan Pendidikan Nilai*. Bandung: Alfabeta.

- Noor Shakirah Mat Akhir (2006), "Dakwah dan Cabaran Teknologi Maklumat", dalam *Isu dan Cabaran Media di Malaysia*, (pnyt.) Mohamad Md Yusoff et al. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Komunikasi Universiti Sains Malaysia.
- Rahmah Hashim (1986), *Media Penyiaran di Malaysia dan Hubungannya Dengan Wanita*, UKM Bangi: Jurnal Komunikasi /Malaysian Journal of Communication, 1986), 2. 34-48. ISSN 0128-1496.
- Rahmah Hashim, (1986), *Media Penyiaran di Malaysia dan Hubungannya Dengan Wanita*, UKM Bangi: Jurnal Komunikasi /Malaysian Journal of Communication, 1986), 2. 34-48. ISSN 0128-1496.
- Zulkiple Abd Ghani (1996), "Profesional Dalam Komunikasi Dakwah", *Jurnal al-Maw'izah* 4 (Jun 1996).